

MEF: Gaji minimum Selangor wujudkan persekitaran tidak sihat

PETALING JAYA 15 Nov. - Keputusan Kerajaan Selangor untuk menetapkan gaji minimum bagi pekerja di bawah syarikat tertentu milik kerajaan negeri itu dikhuatiri akan mewujudkan persekitaran yang tidak sihat.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan berkata, keputusan itu bakal memberi cabaran baharu kepada syarikat swasta di negeri tersebut.

“Penetapan gaji itu akan menyebabkan syarikat swasta susah untuk mendapatkan pekerja kerana lebih ramai orang akan beralih atau berminat bekerja di syarikat milik kerajaan negeri.

“Saya bimbang perkara ini akan menjadi satu trend apabila semua negeri mahu menetapkan gaji minimum masing-masing.

“Ini juga akan memberikan isya-

rat yang mengelirukan pekerja dan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara apabila pelabur hilang keyakinan dengan persekitaran di negara ini,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas Bajet Selangor 2012 yang menyaksikan pelaksanaan gaji minimum RM1,500 sebagai gaji permulaan di syarikat milik kerajaan negeri itu mulai tahun depan.

Tambah Shamsuddin, jika penetapan gaji minimum itu dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat, adalah lebih baik kerana penyelarasan gaji tersebut dapat dilakukan secara menyeluruh di seluruh negara.

“Saya melihat keputusan kerajaan negeri itu adalah demi kepentingan politik semasa yang cuba menarik perhatian orang ramai,” katanya.